

**SELAMAT
TAHUN BARU**

2026

**MENYUSURI
ASPIRASI 2026
MEMPERKASA
GERAKAN
KOPERASI**



*Wawancara
Eksklusif Bersama*

YBrs. Puan Noor Afifah Binti Abdul Razak
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

WAWANCARA EKSKLUSIF BERSAMA

YBrs. Puan Noor Afifah Binti Abdul Razak
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

MENYUSURI ASPIRASI 2026: MEMPERKASA GERAKAN KOPERASI NEGARA

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
salam sejahtera dan salam berkoperasi.**

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru 2026 kepada seluruh warga kerja Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) serta warga gerakan koperasi di seluruh negara.

Bagi membantu pemantapan pembangunan perniagaan, sejumlah peruntukan telah disediakan iaitu RM65.07 juta dan RM8.16 juta di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12). Dengan inisiatif ini kita usaha ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing dan mempercepat pembangunan ekonomi rakyat.

Tahun 2025 mencatatkan kejayaan dengan pendaftaran koperasi sebanyak 748 koperasi baharu, sekali gus memperlihatkan pertumbuhan positif dan keyakinan berterusan terhadap koperasi sebagai wadah pembangunan ekonomi rakyat. Dalam fasa pengukuhan ini, SKM memberi tumpuan khusus kepada pemantapan pengurusan perniagaan dan tadbir urus koperasi.





PELABURAN STRATEGIK MEMPERKASA GERAKAN KOPERASI

Komitmen berterusan Kerajaan dalam memperkasa gerakan koperasi melalui Belanjawan 2026 Malaysia MADANI jelas diterjemahkan melalui penyediaan peruntukan strategik dan inisiatif yang berfokus. Langkah ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan untuk menjadikan koperasi sebagai pemacu utama pembangunan ekonomi rakyat, khususnya dalam memperkukuh ekonomi komuniti, memperluas peluang pendapatan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Pendekatan ini bukan sahaja memperkasakan koperasi, tetapi juga membina ekosistem kewangan yang menyokong pertumbuhan berterusan gerakan koperasi.

Bagi tahun 2026, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM68.8 juta bagi memperkasa gerakan koperasi, merangkumi RM13.8 juta geran pembangunan serta RM50 juta Dana Pembiayaan Tabung Modal Pusingan SKM (TMP-SKM). Peruntukan geran tersebut meliputi pelaksanaan Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi 3.0 (PPMK 3.0), Program Transformasi Ekonomi Koperasi Pertanian/Perladangan (TEKAD), Program Penggalakan Koperasi Sebagai Perusahaan Sosial (SE.RASI) dan Program Pemerksaan Rantai Bekalan Koperasi (SCOPE). Kesemua program ini dirangka secara strategik bagi memperkukuh perniagaan dan rantai nilai koperasi, di samping mengangkat peranan sosial koperasi sebagai pemangkin pembangunan komuniti setempat.

Yang lebih penting, dana pembiayaan dan sokongan untuk gerakan koperasi serta Perusahaan Mikro, Kecil Dan Sederhana (PMKS) tidak bergantung kepada satu saluran sahaja. Kerajaan turut menyediakan akses pembiayaan melalui institusi kewangan seperti SME Bank, BSN, TEKUN Nasional dan Bank Rakyat bagi memastikan keperluan pembiayaan koperasi dapat dipenuhi secara lebih menyeluruh, fleksibel dan bersesuaian dengan tahap pembangunan masing-masing. Pendekatan pelbagai saluran ini membolehkan pembinaan ekosistem kewangan yang lebih kukuh dan berdaya tahan untuk menyokong pertumbuhan koperasi secara berterusan.

Dari sudut impak, tumpuan utama adalah untuk melihat lebih banyak koperasi berkembang ke skala sederhana dan besar, seterusnya menjana pendapatan yang mampan, meningkatkan pulangan kepada anggota serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Dalam masa yang sama, koperasi terus diperkasakan sebagai pemangkin ekonomi setempat dan instrumen penting bagi memperkukuh kesejahteraan sosial komuniti, selari dengan aspirasi pembangunan inklusif dan mampan negara.

Selaras dengan semangat Malaysia MADANI dan hala tuju RMK-13, SKM komited untuk memastikan setiap peruntukan digunakan secara telus, bersasar dan berasaskan prestasi. Matlamat kami jelas untuk menjadikan koperasi sebuah entiti perniagaan yang berdaya saing, relevan dan benar-benar memberi manfaat langsung kepada rakyat.



PROGRAM STRATEGIK & PEMBANGUNAN KOPERASI:

SKM memperuntukkan RM15.1 juta daripada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAPb) bagi melaksanakan 17 program pembangunan perniagaan koperasi. Untuk memastikan setiap program memberi impak optimum, SKM turut menjalinkan kerjasama strategik bersama agensi seperti IKMa, ANGKASA dan SME Bank.

RM9.6 juta diperuntukkan untuk sembilan (9) program pembangunan koperasi melalui SKM seperti berikut:



PROGRAM PROMOSI, KESEDARAN DAN PENDIDIKAN

BKK'26

**BULAN KOPERASI KEBANGSAAN
2026**

1

HKN'26

**(PERINGKAT NEGERI)
HARI KOPERASI NEGARA
2026**

2

3

IKBK'26

**(PERINGKAT NEGERI)
INOVASI
KEUSAHAWANAN
BELIA KOPERASI
2026**

4

Bagi memperkukuh
kefahaman masyarakat,
SKM melaksanakan
program-program
berikut:

PODCAST SKM
PODCAST
OH!GITU...

5

JMK
JUALAN MADANI
KOPERASI

6

**SESI INTERAKTIF KESEDARAN
BERKOPERASI BERSAMA
KOPERASI BELIA**

7


PKKOA'26

**PERSIDANGAN KOPERASI KOMUNITI
ORANG ASLI 2026**



PEMACU TRANSFORMASI GERAKAN KOPERASI

Akta Koperasi 1993 [Akta 502] telah digubal bagi menggabungkan undang-undang koperasi di seluruh Malaysia dan mula berkuat kuasa pada 22 Januari 1994. Akta 502 adalah bertujuan untuk membuat peruntukan bagi:



Selepas lebih 30 tahun dikuatkuasakan, Akta 502 ini perlu disemak bagi memastikan gerakan koperasi negara terus memainkan peranan penting sebagai pemangkin pertumbuhan sosioekonomi negara.

Penggubalan akta koperasi baharu adalah berasaskan kepada dua (2) teras strategik yang sangat penting demi masa hadapan gerakan koperasi di Malaysia iaitu memperkasakan gerakan koperasi dengan meliberalisasi perundangan serta memperkasakan pengawalseliaan koperasi. Teras dasar ini adalah menepati konsep dan kerangka Malaysia MADANI yang menekankan kepada pemerkasaan ekonomi dan budaya melalui teras strategik menjamin kesejahteraan insan serta reformasi institusi demokrasi dan perundangan.

Suka saya tekankan bahawa perkara yang paling penting dalam apa jua dasar dan perundangan adalah pelaksanaan. Jika semua dasar dan perundangan yang telah dirangka dalam akta koperasi ini dapat dihayati dan terjemahkan melalui tindakan oleh pihak berkepentingan terutamanya gerakan koperasi, saya percaya peranan koperasi sebagai pemangkin pertumbuhan sosioekonomi negara diiktiraf oleh semua pihak. Seiring dengan usaha memperkukuh integriti dan tahap pematuhan dalam gerakan koperasi, beberapa program peningkatan kesedaran telah dirangka dan akan dilaksanakan sebagai susulan kepada Pindaan Akta 502.



PENUTUP

Saya berharap koperasi menjadi model perniagaan komuniti yang progresif dan memberi impak kepada masyarakat. Pada masa yang sama, koperasi bukan hanya berkembang dari segi perniagaan semata-mata tetapi juga menjadi agen perubahan dalam komuniti, membantu anggota, memberi peluang kepada belia, wanita, dan golongan B40. Ini membuktikan bahawa koperasi boleh menjadi platform pembangunan ekonomi yang kukuh dan berdaya tahan di Malaysia.

Kepada seluruh warga kerja SKM, ingin saya tegaskan bahawa setiap daripada kita adalah agen perubahan yang memainkan peranan penting dalam mencorak masa depan gerakan koperasi. Kejayaan koperasi bukan hanya bergantung kepada dasar yang mantap, tetapi turut dipacu oleh integriti, profesionalisme dan iltizam dalam melaksanakan tanggungjawab. Memasuki tahun 2026, kita perlu melangkah dengan lebih proaktif, berfikiran progresif dan sentiasa berorientasikan hasil agar impak pembangunan koperasi dapat dirasai secara menyeluruh oleh rakyat.

Insya-Allah, dengan semangat kebersamaan dan komitmen bersepadu antara SKM, koperasi dan semua pemegang taruh, saya yakin gerakan koperasi negara akan terus diperkasa sebagai pemangkin ekonomi rakyat.

